



Untuk Terbitan Media

15 Mac 2025

INDUSTRI PENDIDIKAN, KESIHATAN & PROFESIONAL DIPELOPORI WANITA

KUALA LUMPUR: Penempatan kerjaya dalam kalangan wanita menerusi MYFutureJobs untuk industri pendidikan dan kesihatan dilihat jauh mengatasi lelaki, dengan kadar lebih dua kali ganda.

Bahkan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad berkata, industri profesional, saintifik dan teknikal yang dikenal pasti menawarkan kadar upah kedua tertinggi turut dipelopori wanita.

Dapatan menerusi perangkaan portal pekerjaan negara seliaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi tempoh 2020 hingga 28 Februari lalu itu turut menyaksikan sejumlah 578,491 wanita ditempatkan di pelbagai industri yang memacu produktiviti negara.

“Usaha ini mencerminkan komitmen PERKESO menerusi MYFutureJobs untuk membantu pencari kerja, termasuk wanita supaya berdaya saing dan mempunyai kebolehpasaran untuk ditempatkan di pelbagai sektor serta industri.

“Meskipun data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bilangan penganggur di Malaysia menyusut kepada 533,800 orang pada Januari 2025, usaha berterusan perlu digarap bagi memastikan angka ini

terus merekodkan pola penurunan.

“Justeru, PERKESO sebagai tonggak kepada pelaksanaan program rangsangan pasaran buruh terus komited membantu mengurangkan kadar pengangguran negara,” katanya.

Untuk rekod, seramai 24,487 wanita berjaya ditempatkan di industri pendidikan berbanding 9,600 lelaki bagi tempoh antara 2020 hingga 28 Februari lalu, manakala 27,415 wanita mendapat pekerjaan di industri kesihatan berbanding 10,486 lelaki.

Bagi industri profesional, saintifik dan teknikal pula, seramai 29,906 wanita ditawarkan pekerjaan berbanding 29,784 lelaki, bagi tempoh sama.

Dalam pada itu, Abdul Rahman berkata penganjuran EmpowerHer Career Fair selama dua hari menyediakan 5,000 kekosongan jawatan melibatkan 38 majikan dari dalam dan luar negara.

Jawatan seperti Pengurus Projek, Pengurus Perkhidmatan dan Konsultan Teknikal dengan gaji lumayan antara RM13,000 hingga RM16,000 merupakan antara kekosongan ditawarkan sempena karnival kerjaya yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) ini.

Antara majikan yang terlibat adalah Jabatan Peguam Negara, Malaysia Aviation Group (MAG), Air Asia, Airbus Helicopters Malaysia, Baker Hughes, IHH Healthcare Malaysia, UiTM Private Specialist Centre dan Robert Bosch Sdn. Bhd.

Lebih menarik, peluang pekerjaan dengan aturan kerja anjal (FWA) turut disajikan sebagai usaha menyokong penyertaan wanita dalam dunia kerjaya.

Untuk keterangan lanjut, anda boleh layari laman web www.myfuturejobs.gov.my.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

15 Mac 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my